



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA



Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KP/KPPM/6/Jld. 2(b)

Tarikh : 18 Disember 2014

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan,



**SURAT PEKELILING LEMBAGA PEPERIKSAAN BIL. 2 TAHUN 2014:
PELAKSANAAN MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI SYARAT
WAJIB LULUS MULAI SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2016**

2. Adalah dimaklumkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan pada 6 September 2013. Pelan ini melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Antara dasar dalam pelan tersebut adalah meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan murid.

3. Sehubungan dengan itu, Bahasa Inggeris telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus sekurang-kurangnya gred E untuk melayakkan calon mendapat sijil SPM. Syarat ini adalah tambahan kepada syarat wajib lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah.

4. Mata pelajaran Bahasa Inggeris juga akan mula diperkenalkan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (Ulangan) mulai tahun 2017.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan dipohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan semua Pengetua/Guru Besar sekolah termasuk sekolah swasta yang berkaitan di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia